



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA, DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA HARI ARKIB ANTARABANGSA 2011

**ANJURAN
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**HARI ISNIN, 11REJAB 1432 BERSAMAAN 13 JUN 2011
JAM 9.00PAGI**

**BERTEMPAT
BANGUNAN ARKIB NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bismillahir Rahmanir rahim.

**Alhamdullillahi Rabbil 'Alamien, Wassalatu Wassala mu 'ala
Asyrafil Anbiaie Walmursalin, Sayidina Muhammaddin, Wa
'ala Alihi Wasahbihi Ajama'en.**

Yang Mulia
Awang Bantong bin Antaran
Pengarah Muzium-Muzium selaku Pengerusi Majlis,

Yang Mulia
Datin Hajah Adina binti Othman
Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap,
Timbalan Setiausaha Tetap,
Pengarah-Pengarah,
Ahli-Ahli Lembaga Penasihat Arkib,
Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan,
hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan salam
sejahtera.**

Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izinNya jua kita dapat menghadirkan diri di majlis yang penuh berkebajikan ini, iaitu Sambutan Hari Arkib Antarabangsa bagi tahun 2011.

Terlebih dahulu sukacita saya merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Hari Arkib Antarabangsa kerana mengundang saya untuk merasmikan Majlis ini dan seterusnya bagi melancarkan pameran serta menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah dan sijil-sijil penghargaan kepada peserta-peserta yang menyertai Memori Kolektif Bangsa yang

dianjurkan oleh Arkib Negara Brunei Darussalam, Jabatan Muzium-Muzium.

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Arkib Negara Brunei Darussalam kerana merupakan yang pertama mengadakan Sambutan Hari Arkib Antarabangsa bagi cawangan cawangan Arkib di Asia Tenggara ataupun Southeast Asian Regional Branch of the International Council of Archives (SARBICA), iaitu mulai dari tahun 2010 yang lepas.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sambutan Hari Arkib Antarabangsa merupakan vehicle atau saluran yang membolehkan Arkib Negara mencapai misinya untuk menjadi pusat sumber maklumat dan penyelidikan negara. Khususnya, bagi rekod-rekod awam yang mempunyai nilai kebangsaan dan abadi sebagai rujukan, pendidikan, ristaan sejarah dan sumber inspirasi bagi warga Negara Brunei Darussalam termasuklah generasi muda, khasnya para remaja dan penuntut-penuntut sekolah.

Dalam waktu yang sama usaha memberigakan peranan yang dimainkan oleh Arkib Negara kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam adalah merupakan satu langkah yang proaktif dan bertepatan. Kerana, Kita amat menyedari bahawa kefahaman orang ramai terhadap peranan dan tanggungjawab Arkib Negara adalah masih terbatas. Walaupun pada kenyataannya Arkib Negara sudah ditubuhkan pada tahun 1977 yang berperanan dalam melaksanakan Akta Arkib Negara Brunei Darussalam 1975 dengan fungsi khusus bagi menggumpul dan memelihara rekod-rekod kerajaan dan awam yang mempunyai nilai-nilai sejarah sebagai bahan rujukan dan pembelajaran.

Orang ramai masih banyak yang mempunyai tanggapan bahawa Arkib adalah merupakan sebuah gedung yang menyimpan dokumen-dokumen lama semata-mata bagi kegunaan dalam Jabatan sahaja. Mereka juga beranggapan, dokumen-dokumen yang tersimpan sukar di akses dan sekiranya dapat di akses hanya digunakan oleh para sejarahwan dan ahli-ahli akademik sahaja.

Dalam hubungan ini, adalah mustahak difahami bahawa segala rekod dan dokumen yang tersimpan di Arkib Negara adalah merupakan maklumat yang diterima dari berbagai pihak, lebih-lebih lagi dari pelbagai agensi kerajaan. Ianya dipelihara dengan teliti sebagai bukti kepada pelaksanaan segala tugas rasmi menurut keperluan pentadbiran dan perundangan.

Segala rekod dan dokumen yang tersimpan mempunyai nilai rujukan dan penyelidikan dari segi perundangan dan sejarah kenegaraan itu, tidak syak lagi adalah merupakan warisan bangsa dan sumber maklumat yang sangat berharga.

Ia adalah merupakan testimoni yang tepat tentang pembangunan ketamadunan masyarakat dalam pelbagai aspek termasuklah ekonomi, socio politik, alam sekitar, agama dan kepercayaan dan teknologi.

Dalam erti kata yang lain, Arkib dengan secara khusus, bukan hanya mampu memperakukan sesuatu fakta bahkan juga secara langsung berperanan dalam merungkai babak demi babak ketamadunan bangsa dan negara, yang seharusnya dijadikan sebagai bahan rujukan dan didapatkan daripadanya berbagai pengajaran yang boleh diteladani dan dijadikan pedoman.

Menyedari hakikat betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh institusi arkib, Sambutan Hari Arkib Antarabangsa ini insyaAllah antarlain akan dapat:

- i. Mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan rekod dan arkib sebagai asas yang mendokumentasikan identiti bangsa dan masyarakat;
- ii. Menimbulkan kesedaran kepada semua pihak termasuklah sektor awam, sektor swasta dan orang-orang perseorangan tentang perlunya memelihara arkib secara

- jangka panjang dan penyediaan akses yang bersesuaian bagi tujuan penyelidikan dan rujukan; dan
- iii. Mempromosikan dokumen-dokumen penting, unik dan berharga yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara.

Hadirin yang di hormati sekalian,

Secara universal, institusi arkib juga menghadapi pelbagai cabaran yang bukan saja terbit dari komposisi bahan dokumen yang disimpan itu sendiri yang menyebabkan kerosakan atau kemusnahan bahkan juga dari risiko banjir, kebakaran dan peperangan.

Manakala bahan arkib yang berbentuk audio-visual dan elektronik pula, risiko yang terbit ialah yang disebabkan oleh teknologi yang ketinggalan zaman (technological obsolescence) disebabkan oleh kepesatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi.

Dalam apa keadaan sekalipun, integriti Arkib perlu terus dipertahankan selaras dengan tanggungjawabnya menjaga dan memelihara dokumen-dokumen dan rekod-rekod negara yang sangat berharga. Ini setentunya boleh dicapai dengan semua yang terlibat dalam pengendalian tugas arkib sentiasa menitikberatkan peruntukan yang terkandung didalam **"Universal Declaration on Archives and Code of Ethics for Archivists"**.

Sehubungan dengan ini juga sukacita saya menekankan kepada Arkib Negara, usaha kearah kecemerlangan itu adalah merupakan satu perjalanan yang panjang dan berterusan. Dari itu saya mengharapakan supaya Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2011 ini akan menyuntik semangat kepada Arkib Negara untuk meningkatkan lagi usaha pada mengukuhkan dan memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran arkib.

Ini termasuklah dari segi memperbaiki akses bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat-maklumat yang terdapat di dalam Arkib dengan mudah, dari segi penyelidikan dan juga pemuliharaan rekod-rekod.

Hadirin dan hadirat sekalian.

Satu projek telah diungkayahkan sempena Sambutan Hari Arkib Antarabangsa tahun ini yang membawa tema "Memori Kolektif Bangsa", iaitu dalam bentuk peraduan yang dibukakan kepada penyertaan orang ramai.

Saya dengan ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta yang bermurah hati menyumbang rekod-rekod peribadi mereka untuk diabadikan sebagai warisan bangsa yang setentunya membantu memperkaya lagi khazanah arkib di samping dapat menerap dan membudayakan kecintaan yang berterusan terhadap warisan negara.

Kepada mereka yang masih menyimpan koleksi dokumen persendirian yang ada kaitan dengan sejarah dan peristiwa penting negara , adalah diharapkan supaya ianya dapat diamanahkan kepada Arkib Negara untuk didaftar, dipelihara dan di akses bagi tujuan-tujuan yang berkebakikan seperti untuk pengkajian dan penyelidikan disamping untuk memperkaya lagi khazanah warisan negara.

Maka dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahman Nirrahim, dan bersalawat kepada Nabi besar kita Sayidina muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam saya dengan amat sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2011 dan "Pameran Memori Kolektif Bangsa" pada pagi ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.